

28/10/2002

Azalina, Noraini pegang jawatan mulai Jumaat

Misiah Taib

KUALA LUMPUR, Ahad - Ketua Penaja Puteri Umno, Azalina Othman Said dan Setiausaha Penajanya, Noraini Ahmad yang masing-masing menang tanpa bertanding jawatan ketua dan Naib Ketua Puteri, akan menjawat secara rasmi jawatan berkenaan berkuat kuasa 1 November ini.

Setiausaha Kerja Umno, Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata mereka hanya akan menjawat secara rasmi jawatan berkenaan selepas proses pemilihan bagi jawatan lain sempena Perhimpunan Puteri Umno selesai, Jumaat ini.

Katanya, berikutan dua jawatan tertinggi dalam Puteri itu sudah pun dimenangi tanpa bertanding oleh Azalina dan Noraini, perhimpunan Jumaat ini hanya akan menyaksikan pertandingan bagi merebut jawatan exco, Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap Puteri Umno.

Beliau berkata, daripada 52 calon yang akan bertanding, seramai 47 calon akan bertanding bagi merebut 20 jawatan exco pergerakan itu, tiga calon akan merebut jawatan pengerusi tetap, manakala dua lagi akan bertanding jawatan timbalan pengerusi tetap.

"Semua mereka yang dicalonkan itu dan layak untuk bertanding bagi merebut jawatan berkenaan sudah memberi maklum balas kepada surat tawaran yang dikeluarkan minggu lalu.

"Ibu pejabat Umno sudah menapis setiap calon dan mendapati mereka layak untuk bertanding," katanya pada sidang media bagi mengeluarkan senarai 52 calon yang akan bertanding Jumaat ini, di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Jawatan pengerusi tetap akan ditandingi oleh Bibi Sunita Sakandar Khan, Farida Kee Mui Ling dan Rohani Abu Hassan, manakala jawatan timbalannya menjadi rebutan Marliny Abdul Samad dan Sulasi Mahadi.

Tengku Adnan berkata, pada mulanya empat orang dicalonkan bagi merebut jawatan pengerusi tetap tetapi seorang daripadanya menarik diri, manakala bagi jawatan timbalannya, lima orang dicalonkan tetapi tiga menarik diri.

Bagi jawatan exco pergerakan itu katanya, hanya 47 daripada 67 nama yang dicalonkan mengambil keputusan untuk bertanding.

"Persiapan bagi mengadakan perhimpunan itu berjalan lancar dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan merasmikannya. Memandangkan tidak ada agenda lain pada perhimpunan itu, proses pemilihan akan diadakan sebaik selepas Dr Mahathir dan Azalina menyampaikan ucapan masing-masing," katanya.

Beliau berkata mesyuarat 165 bahagian Puteri Umno yang berakhir 15 Oktober lalu berjalan baik, kecuali lima cawangan dari bahagian Pengkalan Chepa, yang akan bermesyuarat semula pada Selasa ini, dengan dikendalikan Ibu Pejabat Umno.

Katanya, Majlis Tertinggi (MT) Umno mendapati ada kes rasa tidak puas hati selain perjalanan mesyuarat yang meragukan di kelima-lima cawangan dalam bahagian berkenaan.

Sementara itu, Tan Sri Kamarul Ariffin berkata, setiap perwakilan akan diberi tiga kertas untuk membuat pilihan mereka pada perhimpunan itu, dengan 160 tempat mengundi akan disediakan.

"Pemilihan anggota jawatankuasa pergerakan membabitkan 20 orang. Sekiranya satu kertas undi itu membuat undian kurang daripada 20 nama atau lebih daripada 20, kertas undi itu akan dikira batal," katanya sambil menambah keputusan undian dijangka akan diketahui pada kira-kira jam 7 malam hari berkenaan.

Ditanya mengenai kedudukan Azalina yang dilaporkan sedang disiasat oleh

Lembaga Disiplin Umno, Kamarul berkata ia bukan dalam bidang kuasa jawatankuasa terbabit.

Beliau berkata, mereka hanya bertanggungjawab menapis senarai calon yang akan bertanding pada pemilihan itu dan menentukan sekiranya mereka layak untuk bertanding atau tidak.

"Soal sekiranya dia (Azalina) akan dikenakan hukuman atau tidak, atas sebarang sebab selepas pemilihan, tidak timbul. Itu soal lain," katanya.